

9 keluarga disah belum terima kunci PPR

KUALA LUMPUR 22 Jun – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengesahkan bahawa sembilan buah keluarga yang dipindahkan ke Projek Perumahan Rakyat (PPR) Batu Muda masih belum menerima kunci rumah masing-masing.

Pengurus Komunikasi Korporat DBKL, Anwar Mohd. Zain berkata, kesemua keluarga berkenaan adalah mereka yang terlibat dalam tindakan meroboh 17 unit rumah di setinggan Jinjang Selatan Tambahan baru-baru ini.

“Daripada jumlah unit rumah tersebut, sebanyak 30 buah keluarga terlibat dan terpaksa berpindah ke PPR.

“Tetapi hanya 21 keluarga mengambil kunci di PPR Batu Muda yang telah disediakan dan berpindah masuk manakala selebihnya tidak menghadirkan diri untuk berbuat demikian.

“Berdasarkan maklumat yang diperolehi semasa operasi, sembilan keluarga tersebut telah memindahkan barang-barang mereka ke tempat lain seperti rumah milik sendiri, saudara mara dan kawan-kawan,” katanya.

Pada 17 Jun lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan bahawa ada sebahagian penduduk yang terlibat dengan operasi meroboh tersebut mendakwa masih belum mendapat kunci rumah yang disediakan oleh DBKL.

Ini menyebabkan mereka enggan berpindah kerana khawatir tidak mendapat rumah di kawasan baru berkenaan.

Sehubungan itu, DBKL meminta sembilan keluarga berkenaan untuk datang ke Pejabat Kecil PPR Batu Muda di Jalan PPR 1/1 untuk mengambil kunci rumah mereka.

“Bagi yang telah berpindah masuk, mereka diminta untuk mengisi segala dokumen yang telah diberikan,” katanya.